



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.gaexcellence.com/ijmoe](http://www.gaexcellence.com/ijmoe)



**PENCAPAIAN KURIKULUM DI KALANGAN PELAJAR  
TAHFIZ DI INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ SWASTA  
KELANTAN**

*CURRICULUM ACHIEVEMENT AMONG STUDENTS TAHFIZ AT PRIVATE  
TAHFIZ EDUCATIONAL INSTITUTIONS KELANTAN*

Wan Zuriaty Ismail <sup>1\*</sup>, Nur Azuki Yusuff <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Department of Account, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

 [wzuriaty@gmail.com](mailto:wzuriaty@gmail.com)



<https://orcid.org/0009-0000-1673-0575>

<sup>2</sup>Department of Account, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

 [nurazuki@umk.edu.my](mailto:nurazuki@umk.edu.my)



<https://orcid.org/0000-0003-1886-8230>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.01.2026

Revised date: 19.02.2026

Accepted date: 10.03.2026

Published date: 29.03.2026

**To cite this document:**

Ismail, W. Z., & Yusuff, N. A. (2026). Pencapaian Kurikulum Di Kalangan Pelajar Tahfiz Di Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta Kelantan. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1052-1062.

**Abstrak:**

Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta Kelantan (IPTSK) telah melalui proses transformasi dan perubahan yang signifikan dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan tahfiz. Seiring dengan perkembangan tersebut, keperluan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar tahfiz secara sistematik menjadi semakin penting. Justeru, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta di Kelantan dengan objektif utama, iaitu mengukur tahap pencapaian kurikulum pelajar tahfiz di IPTSK. Bagi mencapai objektif kajian, pendekatan metodologi kualitatif. Kaedah temu bual mendalam sebagai kaedah utama pengumpulan data, yang disokong oleh kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 276 orang responden yang terlibat menjawab soal selidik dan 5 orang informan bagi menjawab soalan temu bual. Data kajian akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik melalui perisian ATLAS.ti versi 9. Hasil kajian mendapati pencapaian pelajar IPTSK berpotensi untuk ditingkatkan melalui empat struktur kurikulum iaitu kurikulum tahfiz dan dinniyah, kurikulum akademik arus perdana, pendidikan kemahiran dan TVET, serta pembangunan sahsiah dan kepimpinan. Limitasi dalam pencapaian juga dapat dikenalpasti dan diatasi dengan pelbagai cara dan sokongan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Hasil kajian ini menyediakan gambaran menyeluruh yang boleh dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan dalam merangka strategi penambahbaikan yang lebih berkesan dan mampan.

Pencapaian, Kurikulum, Pelajar Tahfiz, Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta Kelantan

**Abstract:**

The Kelantan Private Tahfiz Education Institution (IPTSK) has gone through a significant transformation and change process in an effort to empower the tahfiz education system. Along with the development, the need to systematically measure the level of achievement of tahfiz students becomes more and more important. Therefore, this study focuses specifically on Private Tahfiz Educational Institutions in Kelantan with the main objective, which is to measure the level of curriculum achievement of tahfiz students at IPTSK. To achieve the objective of the study, a qualitative methodological approach. The in-depth interview method as the main method of data collection, which is supported by the method of observation and document analysis. A total of 276 respondents were involved in answering the questionnaire and 5 informants answered the interview questions. The research data will be analyzed using the thematic analysis method through the ATLAS.ti software version 9. The results of the study found that the achievement of IPTSK students has the potential to be improved through four curriculum structures, namely tahfiz and dinniyah curriculum, mainstream academic curriculum, skills education and TVET, as well as personality and leadership development. Limitations in achievement can also be identified and overcome with various means and support from the responsible parties. The results of this study provide a comprehensive overview that can be used as a guide by stakeholders in devising a more effective and sustainable improvement strategy.

**Keywords:**

Achievement, Curriculum, Tahfiz Students, Kelantan Private Tahfiz Education Institution



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com).

## Pengenalan

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan salah satu cabang pendidikan Islam yang memainkan peranan signifikan dalam pembentukan modal insan berteraskan nilai kerohanian, akhlak dan ilmu. Dalam konteks kontemporari, institusi pendidikan tahfiz tidak lagi dilihat sekadar sebagai pusat penghafazan al-Quran, bahkan berfungsi sebagai institusi pendidikan formal yang bertanggungjawab melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek spiritual, intelektual dan sosial. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan nasional, pendidikan tahfiz turut berhadapan dengan tuntutan untuk memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan mampu menyokong pencapaian pelajar secara holistik dan berdaya saing dalam arus pendidikan moden. Matlamat utama semua jenis kurikulum tahfiz al-Quran ialah untuk pelajar mengingati al-Quran tanpa mudah lupa di samping ilmu pengetahuan dan kemahiran lain (Zulkifli dkk, 2018).

Di Malaysia, pertumbuhan pesat institusi pendidikan tahfiz, khususnya yang diuruskan secara swasta, mencerminkan peningkatan kepercayaan masyarakat terhadap pendidikan berteraskan al-Quran. Walau bagaimanapun, kepelbagaian bentuk pengurusan, pendekatan pedagogi dan struktur kurikulum di institusi tahfiz swasta telah mewujudkan variasi yang ketara dari segi pencapaian kurikulum pelajar. Dalam konteks ini, pencapaian kurikulum tidak seharusnya dihadkan kepada kuantiti hafazan semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi aspek kefahaman, penguasaan akademik, kemahiran kognitif serta pembentukan sahsiah pelajar. Pendekatan ini selari dengan prinsip pendidikan holistik yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh. Selain daripada sekolah agama yang sedia ada, semakin banyak pusat pengajian dan institusi al-Quran ditubuhkan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap pendidikan tahfiz al-Quran (Abdul Hafiz dkk., 2003)

Kelantan dikenali sebagai salah satu negeri yang mempunyai bilangan institusi pendidikan tahfiz yang tinggi serta tradisi pendidikan Islam yang kukuh. Majoriti institusi pendidikan tahfiz yang tinggi serta tradisi pendidikan Islam yang kukuh. Majoriti institusi tahfiz di negeri ini diuruskan oleh pihak swasta dengan pelaksanaan kurikulum yang pelbagai sama ada berasaskan hafazan sepenuh masa atau kurikulum bersepadu tahfiz dan akademik. Kepelbagaian ini mewujudkan cabaran dari sudut penyelarasan kurikulum dan penilaian pencapaian pelajar. Walaupun terdapat institusi yang berjaya melahirkan pelajar dengan pencapaian hafazan yang cemerlang, persoalan berkaitan keberkesanan pencapaian kurikulum secara menyeluruh masih memerlukan penelitian empirikal yang lebih mendalam, khususnya dalam konteks institusi tahfiz swasta. Fenomena ini selari dengan peringatan Allah SWT dalam surah Taha, ayat 114:

فَتَعَلَىٰ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ  
وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ۝ ١١٤


*Terjemahannya:*

*"Maka Maha Tinggi Allah SWT Raja Yang sebenar-benarnya, dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum disempurnakan mewahyukannya kepadamu, dan katakanlah: "Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan".*

*(Surah Taha :114)*

Rangkaian institusi tahfiz Kelantan, merangkumi sekolah di bawah seliaan kerajaan negeri, badan berkanun, serta pihak swasta yang berdaftar. Terdapat tiga institusi pendidikan tahfiz utama negeri Kelantan iaitu institusi di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK), institusi di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan institusi swasta berdaftar. Rajah 1 menunjukkan ringkasan kepada IPT yang ada di Kelantan:

### Institusi Pendidikan Tahfiz Kelantan



**Rajah 1: Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta Kelantan**

### Sorotan Literatur

Soroton literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu berkaitan pendidikan tahfiz lebih menumpukan kepada aspek pedagogi hafazan, kaedah pengajaran guru dan faktor kejayaan menghafaz al-Quran. Namun, kajian yang menilai pencapaian kurikulum pelajar tahfiz secara komprehensif, merangkumi dimensi hafazan dan akademik, masih terhad. Selain itu, kajian empirikal yang memfokuskan kepada konteks tempatan seperti institusi pendidikan tahfiz swasta di Kelantan juga didapati kurang diberi perhatian. Kekurangan ini menyebabkan pemahaman terhadap keberkesanan kurikulum tahfiz dan implikasinya terhadap pembangunan pelajar tidak dapat digambarkan secara menyeluruh.

### Pencapaian

Hafazan al-Quran dalam arus pendidikan di Malaysia telah memberi impak yang sangat positif terhadap pembangunan sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar. Kajian oleh Muhaidi (2010) menunjukkan bahawa penghasilan pelajar yang holistik dan berkualiti dapat direalisasikan melalui pengintegraisan hafazan al-Quran dengan falsafah pendidikan negara yang menekankan pengembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Ini sejajar dengan kehebatan mukjizat al-Quran sebagai panduan hidup.

Pendapat Anis Syahirah Fauzan (2017), menyatakan kesan daripada menghafaz al-Quran sangat dirasai oleh pelajar dan diterjemahkan oleh pelajar melalui pencapaian akademik yang cemerlang. Beliau mengatakan adunan ilmu al-Quran dan akademik di dalam acuan yang sama merupakan aspek yang penting dalam dunia akademik seorang pelajar.

Menurut pendapat Mohd Mawardi Che Hassan (2010) sekolah tahfiz yang wujud di negara kita bermatlamatkan untuk melahirkan hafiz dan hafizah dan sepatutnya perlu disokong penuh oleh setiap golongan masyarakat supaya ianya terus berkembang menjadi tonggak untuk mentarbiyah golongan muda supaya menghafaz, mendalami isi kandungan al-Quran dan seterusnya mengamalkan perintah SWTswt seperti yang terdapat dalam kitabNya.

Semenjak penubuhan Maahad Tahfiz MAIK pada awal 1983 lagi, para pelajarnya telah menunjukkan kecemerlangan dari segi akademik dan pembentukan sahsiah dan sentiasa menjadi buruan Masyarakat. Begitu juga dengan Institusi Pendidikan Islam (IPI) MAIK dibawah pendidikan Tahfiz yang telah berjaya melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan hafaz al-Quran 30 juzuk. Mereka ini telah berjaya dalam bidang yang telah diceburi (Harakah Daily, 2024).

Menurut Azmil Hashim (2010) penilaian produk dibahagikan kepada empat bahagian iaitu penilaian impak yang menilai pencapaian pelajar tahfiz terhadap keperluan dan matlamat kurikulum tahfiz memenuhi keperluan masyarakat. Penilaian keberkesanan pula menilai pencapaian objektif kurikulum yang merangkumi kualiti dan signifikan pencapaian pelajar tahfiz terhadap hafazan al-Quran. Penilaian kemampanan pula menilai penguasaan pelajar terhadap penguasaan hafazan al-Quran secara berkekalan dan berterusan. Penilaian kebolehpindaan menilai program kurikulum tahfiz ini berpotensi untuk diadaptasikan dan diguna pakai di institusi yang lain.

Menurut Abdul Aziz (1984) kajiannya yang bertajuk “Penghayatan Al-Quran di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Khusus di Sekolah-Sekolah Menengah Jajahan Tanah Merah, Kelantan. Beliau menyatakan usaha-usaha daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, sekolah-sekolah dan cerdik pandai Islam itu, seharusnya semua pihak memberi sokongan mereka dengan sepenuhnya supaya kesan positif akan lahir terhadap pelajar-pelajar ke arah penghayatan al-Quran. Dalam perkara ini, kejujuran daripada semua pihak sangatlah penting, kerana kejayaan yang akan dicapai itu perlu berlaku secara nyata. Contohnya, usaha-usaha ke arah meninggikan Bahasa Malaysia, ianya cukup berkesan di atas perlaksanaan dasar. Kejujuran bersandarkan kepada komitmen serta apresiasi terhadap apa yang hendak diperjuangkan dan komitmen pula harus di dahului oleh pengetahuan yang baik tentang objektif itu. Kalau demikian, bagaimana akan lahir kejujuran sekiranya belum ada pengetahuan yang diperlukan itu. Untuk itu, sebelum sesuatu pihak itu mengubah sesuatu dasar, perlulah mengubah sikap sendiri serta mengumpulkan data-data yang secukupnya samada melalui cara pembacaan atau mengambil pengesyoran cerdik pandai yang terdapat di negara ini. Beliau juga menegaskan bahawa Al-Quran itu perlu dalam kehidupan sesuatu umat. Khususnya kepada pelajar-pelajar yang begitu dahagakan ilmu pengetahuan. Dengan ini, identiti seseorang pelajar itu dapat dibina di atas pemikiran yang jelas dan terang. Di samping dapat memberi pengisian dan pendidikan yang berkesan, ianya juga dapat mempertahankan diri dan perlakuan pelajar-pelajar dalam menghadapi kehidupan di hari muka.

Pendapat Fathiyah Mohd Fakhrudin dkk. (2019) menegaskan golongan huffaz profesional akan menjadi tauladan dan akan meneraju kepimpinan Malaysia dengan lebih cemerlang dan gemilang sejajar pencapaian duniawi dan ukhurawi yang diperolehi. Hafazan al-Quran merupakan faktor pemangkin yang mempengaruhi pencapaian akademik terutama dalam kalangan pelajar Islam seperti yang dikaji oleh Salasiah dkk. (2012).

Pencapaian yang cemerlang dalam hafazan al-Quran, perlu mempelbagaikan kaedah, teknik dan aktiviti perlu digabungkan bagi meningkatkan kualiti hafazan al-Quran (Azmil Hashim dkk, 2014). Berbeza pula pendapat dengan Abdullah dkk., (2003) menjelaskan keberkesanan kaedah hafazan di Maahad Tahfiz Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan pula mendapati kaedah tasmi` dan menulis ayat menunjukkan keputusan yang tertinggi dalam keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.

### ***Kurikulum***

Kurikulum didefinisikan sebagai rancangan pendidikan menyeluruh yang merangkumi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai, norma dan pengalaman yang disusun oleh sekolah atau institusi pendidikan untuk membantu perkembangan murid secara holistik (jasmani, emosi, rohani, intelek) bagi mencapai matlamat pendidikan negara (Akta Pendidikan, 1996)

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kurikulum ialah segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sekolah untuk mencapai matlamat pendidikan, termasuk ilmu, kemahiran, nilai dan unsur kebudayaan. Smith dkk, (1957) pula menyatakan bahawa kurikulum ialah satu urutan pengalaman yang disediakan di sekolah untuk melatih pelajar berfikir dan bertindak secara berkumpulan. Lain pula pendapat Goodlad (1973) yang menyatakan bahawa kurikulum merupakan satu bidang yang sukar ditakrifkan.

Menurut Norazman Alias (2020) kecemerlangan pelajar sekolah aliran tahfiz ini dari sudut akademik mahupun ko-kurikulum agak kurang disebut dan diperkatakan oleh masyarakat dan media arus perdana sebelum ini. Dek kerana itu, tiada sebuah pun institusi pengajian tinggi yang melihat keperluan penawaran program atau kursus aliran tahfiz di peringkat ijazah sarjana muda.

Melihat kepada gelombang 1 (Bab 7), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 2025), dalam perkara “Mengukuhkan laluan pendidikan agama”, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah beriltizam menetapkan sasaran dalam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi yang lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan elemen agama dalam ke dalam kurikulum kebangsaan (KPM, 2013).

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah kurikulum yang digubal berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan agama yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

KBT menggabungkan dua komponen mata pelajaran tahfiz al Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Rekabentuk KBT ini adalah bermatlamatkan kepada empat objektif iaitu:

1. Melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzu' al-Quran.
2. Melahirkan modal insan yang boleh menjalinkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

3. Melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah; dan
4. Melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif. (KPM, 2015)

Oleh itu, kurikulum pendidikan tahfiz amat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurikulum pendidikan merupakan satu wadah penting dalam menjana anjakan paradigma dalam diri setiap individu dan ia juga memainkan peranan penting untuk melahirkan insan deduktif yang dinamik dalam semua aspek.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian merangkumi aspek cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif serta matlamat penyelidikan secara sistematik. Perancangan metodologi yang teliti membolehkan kajian dilaksanakan dengan lebih terarah, tersusun dan berupaya menghasilkan dapatan yang sah serta boleh dipercayai. Dalam konteks ini, pendekatan kualitatif digunakan sebagai teras utama kajian, dengan sokongan data kuantitatif bagi memperkukuh dapatan melalui kaedah triangulasi.

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah temu bual mendalam digunakan sebagai instrumen utama pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat yang komprehensif daripada informan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pendidikan tahfiz berteraskan Al-Quran. Kaedah ini disokong oleh pemerhatian lapangan yang membolehkan pengkaji menilai situasi sebenar proses pengajaran dan pembelajaran, serta analisis dokumen yang melibatkan bahan kurikulum, rekod pencapaian pelajar dan dokumen rasmi institusi. Gabungan ketiga-tiga kaedah ini membantu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, iaitu satu pendekatan yang menumpukan kepada proses pengenalan, pengkodan dan pembentukan tema-tema utama berkaitan persoalan kajian. Proses ini dilaksanakan dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9 yang memudahkan pengurusan serta penganalisan data kualitatif secara sistematik dan efisien.

Penentuan lokasi kajian merupakan elemen penting yang boleh mempengaruhi keberhasilan sesuatu penyelidikan, khususnya bagi kajian berbentuk kualitatif sebagaimana yang ditegaskan oleh Matthew B. Miles dan A. Michael Huberman (1994). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan di tiga buah institusi pendidikan tahfiz swasta yang dipilih secara bertujuan (purposive sampling), iaitu Maahad Tahfiz Pubimas Al-Amin, Maahad Tahfiz Quran Al-Balaghul Mubin di Pasir Mas dan Maahad Tahfiz Al-Quran Abu Bakar di Tanah Merah. Pemilihan institusi ini adalah berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian serta kepelbagaian latar belakang kurikulum dan pengurusan yang diamalkan.

Kajian ini melibatkan seramai 276 orang responden yang terdiri daripada pelajar, serta 5 orang informan utama yang terdiri daripada tenaga pengajar dan pihak pengurusan institusi. Penglibatan kedua-dua kumpulan ini membolehkan pengkaji memperoleh perspektif yang menyeluruh dan mendalam berkaitan pencapaian kurikulum dalam kalangan pelajar tahfiz. Jadual 1 di bawah menunjukkan ringkasan data analisis responden yang menjawab soalan soal selidik dan temu bual.

**Jadual 1: Maklumat Responden Soal Selidik Pelajar MTQSK**

| Bil | Nama Maahad Tahfiz                                 | Bilangan Pelajar | Bil pelajar yang menjawab soal selidik |
|-----|----------------------------------------------------|------------------|----------------------------------------|
| 1   | Maahad Tahfiz Pubimas Al-Amin, Kota Bharu          | 87 orang         | 68 orang                               |
| 2   | Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Balaghulmubin, Pasir Mas | 160 orang        | 154 orang                              |
| 3.  | Maahad Tahfiz Al-Quran Abu Bakar, Tanah Merah      | 150 orang        | 54 orang                               |
|     | Jumlah                                             | 397 orang        | 276 orang                              |

Secara keseluruhannya, pendekatan metodologi yang digunakan dalam kajian ini diyakini mampu memberikan gambaran yang komprehensif dan holistik, seterusnya menyumbang kepada penambahbaikan sistem pendidikan tahfiz di Malaysia.

### Perbincangan Dan Hasil Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian kurikulum tahfiz dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan tahfiz swasta di Kelantan berada pada tahap tinggi dan memberangsangkan, khususnya dari aspek penguasaan hafazan al-Quran. Majoriti responden memperlihatkan keupayaan menghafaz dengan baik, mengekalkan ketepatan bacaan serta mengamalkan murajaah secara konsisten. Keadaan ini menggambarkan keberkesanan pendekatan pedagogi tahfiz yang diamalkan oleh institusi terlibat, di samping budaya pembelajaran yang menekankan disiplin, istiqamah dan pemantauan berterusan. Dapatan ini menyokong hasil kajian lepas yang menegaskan bahawa struktur pembelajaran tahfiz yang sistematik berupaya meningkatkan kualiti hafazan pelajar secara signifikan.

Walau bagaimanapun, dari perspektif pencapaian kurikulum akademik, kajian ini mendapati tahap pencapaian pelajar adalah sederhana hingga baik, namun masih belum mencapai tahap optimun. Sebahagian pelajar berjaya menyeimbangkan tuntutan hafazan dan pembelajaran akademik, namun sebahagian yang lain berhadapan dengan kekangan masa serta beban pembelajaran yang tinggi. Situasi ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum bersepadu tahfiz dan akademik masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten antara institusi. Justeru, dapatan ini menimbulkan keperluan untuk penstrukturan semula kurikulum agar keseimbangan antara pembangunan spiritual dan intelektual pelajar dapat dicapai secara holistik.

Perbincangan kajian juga turut menyoroti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian kurikulum pelajar tahfiz. Antaranya termasuk kualiti dan profesionalisme guru, kaedah pengajaran, tahap motivasi pelajar serta sokongan ibu bapa. Guru yang memiliki kepakaran dalam bidang tahfiz dan pedagogi didapati memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar, bukan sahaja dari segi hafazan tetapi juga kefahaman dan pengurusan pembelajaran. Selain itu, sokongan berterusan daripada ibu bapa dalam bentuk pemantauan, dorongan moral dan kerjasama dengan pihak institusi turut dikenal pasti sebagai faktor signifikan yang menyumbang kepada pencapaian kurikulum pelajar.

Selain faktor dalaman, kajian ini turut mengenalpasti beberapa cabaran struktur dan sistematik dalam pelaksanaan kurikulum di institusi tahfiz swasta di Kelantan. Antaranya ialah ketiadaan garis panduan kurikulum yang standard, kekangan sumber manusia dan bahan pengajaran, serta keterbatasan masa bagi pelaksanaan kurikulum akademik. Cabaran-cabaran ini berpotensi menjejaskan keberkesanan pelaksanaan kurikulum secara menyeluruh dan menimbulkan ketidakseimbangan dalam pembangunan potensi pelajar. Oleh itu, penyeragaman dan penyelarasan kurikulum dilihat sebagai satu keperluan mendesak bagi memastikan kualiti pendidikan tahfiz dapat diperkasakan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini merumuskan bahawa institusi pendidikan tahfiz swasta di Kelantan berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam hafazan al-Quran, namun aspek pencapaian akademik masih memerlukan perhatian dan penambahbaikan berterusan. Justeru, kajian ini mencadangkan pembangunan satu model kurikulum tahfiz yang komprehensif, seimbang dan berteraskan pendekatan pendidikan holistik. Penglibatan pelbagai pihak berkepentingan seperti pengurusan institusi, tenaga pengajar, ibu bapa serta pihak berautoriti pendidikan adalah penting bagi memastikan kelestarian dan keberkesanan pendidikan tahfiz pada peringkat nasional.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa transformasi yang dilalui oleh Institusi Pendidikan Tahfiz Swasta Kelantan (IPTSK) telah membuka ruang yang luas untuk penambahbaikan sistem pendidikan tahfiz secara lebih holistik dan bersepadu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar tahfiz di IPTSK mempunyai potensi yang besar untuk diperkasakan apabila struktur kurikulum disusun secara seimbang dan sistematik merangkumi empat komponen utama, iaitu kurikulum tahfiz dan diniyyah, kurikulum akademik arus perdana, pendidikan kemahiran dan TVET, serta pembangunan sahsiah dan kepimpinan.

Pendekatan kualitatif yang digunakan melalui temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen telah berjaya memberikan gambaran yang menyeluruh tentang realiti pelaksanaan kurikulum serta cabaran yang dihadapi oleh IPTSK. Kajian ini turut mengenal pasti beberapa limitasi dalam pencapaian pelajar, termasuk aspek pengurusan kurikulum, sumber manusia, kemudahan, dan sokongan institusi. Walau bagaimanapun, limitasi tersebut berpotensi untuk diatasi melalui kerjasama strategik antara pihak pengurusan institusi, kerajaan negeri, agensi berkaitan, serta komuniti setempat.

## **Sumbangan Kajian**

Sehubungan itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada pihak berkepentingan dalam merangka dasar, perancangan kurikulum, dan strategi pembangunan pendidikan tahfiz yang lebih berkesan, inklusif dan mampan. Penekanan terhadap keseimbangan antara kecemerlangan hafazan al-Quran, pencapaian akademik, kemahiran insaniah serta kebolehpasaran graduan diyakini mampu melahirkan pelajar tahfiz yang bukan sahaja unggul dari sudut spiritual, malah berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa negara.

Kajian ini memberi sumbangan impak praktikal kepada organisai MAIK selaku badan yang menguruskan MTQSK negeri Kelantan. Hasil kajian ini menghasilkan impak sumbangan praktikal yang positif terhadap pembangunan ilmu kerana mengisi kelompongian berkaitan dengan pencapaian dan prospek MTQSK. Kajian ini juga memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai pencapaian dan prospek MTQSK sebagai Institusi Pendidikan Islam (IPI) negeri Kelantan.

Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan oleh penyelidik-penyelidik lain serta MTQ di seluruh Malaysia untuk meningkatkan pencapaian yang cemerlang di MTQ masing-masing. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan yang berguna kepada para penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan dengan Maahad Tahfiz di Malaysia.

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Penghargaan:</b>                    | Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pengajian Bahasa dan Insaniah Universiti Malaysia Kelantan atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.                                                                                    |
| <b>Penyataan Pembiayaan:</b>           | Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b> | Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)                   |
| <b>Pernyataan Etika:</b>               | Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.            |
| <b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>   | Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Wan Zuriaty Ismail bertanggungjawab terhadap pengkonsepnan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Nur Azuki Yusuff mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. |

## Rujukan

- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail (2003) *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*
- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al Qur'an* Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12.
- Abdullah, M., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. (2019). *Pendidikan Tahfiz Di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*.
- Azmil Hashim (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran JAKIM Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azmil Hashim, & Jemali, M. (2014). *Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar*. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2), 15-25.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (Fourth)*. California: <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2> SAGE Publications, Inc.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib, & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2020). *Proses dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia (Process and Method of Tahfiz Learning Among Students in Malaysian Government Religious Secondary Schools)*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.
- Goodlad, J. I. (1973). *Curriculum Decisions: A Conceptual Framework*.
- Ismail, Muhammad Shafie. (2019). *Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana*. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019. Kota Bharu: KIAS. Ms 54-71.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: kaedah pengajaran & pembelajaran*: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Buku laporan kajian status SMAR KPM, Bahagian Pendidikan Islam*. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research*. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Mardhiah Binti Yahya, Z. N. B. R., Aslam Farah Binti Selamat. (2018). *Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis*.
- Miles, M.B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*, Thousand Oak California: Sage Publication. 01394603530129859459
- Muhaidi Hj Mustafa (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Pulai Chondong Kelantan Dari Tahun 1997-2007*. (Phd). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norazman Alias (2020). *Prospek dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara*. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan. In (pp. 42-52).
- Wan Muhammad Abdul Aziz, (1997). *Pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran: Pengalaman Darul Quran*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Jurnal Darul Quran* Bil 3.1-15